

**1. Syarat-syarat Tertakluk kepada Ketersediaan Kemudahan Pinjaman**

Kemudahan akan disediakan kepada anda dengan syarat anda memenuhi syarat-syarat terdahulu yang ditetapkan dalam Surat Tawaran ini (termasuk syarat-syarat yang dinyatakan di bawah ini) dan dokumen-dokumen cagaran seperti yang dikehendaki oleh Bank.

- (a) Membuka Akaun Semasa dengan Bank;
- (b) Menerima arahan tetap tak boleh batal anda kepada Bank bagi pembayaran faedah dan ansuran bulanan;
- (c) Tiada perubahan material kepada keadaan diri anda atau apa-apa keadaan yang menjelaskan atau berpotensi menjelaskan cagaran Bank yang pada pendapat Bank akan memberi kesan buruk terhadap Bank atau kemampuan anda untuk menunaikan obligasi anda seperti di bawah ini dan menurut dokumen-dokumen cagaran lain selaras dengan terma-termanya;
- (d) Menerima pengesahan daripada Credit Guarantee Corporation Berhad (“CGC”) mengenai kelulusan jaminan berdasarkan terma-terma yang boleh diterima Bank (“Skim Jaminan”). Peruntukan mengenai Skim Jaminan ditetapkan dalam Fasal 18 Terma dan Syarat Utama di dalam ini.
- (e) Menerima Fi Jaminan tak dibayar balik bagi keseluruhan Tempoh Bayaran Balik Kemudahan Pinjaman;
- (f) Menerima jaminan bersama dan berasingan untuk yang berikut bagi jumlah pokok [ RM ] campur faedahnya dan semua wang lain yang terhutang di bawah dan bagi Kemudahan Pinjaman dan dokumen-dokumen berkenaan :-
  - [Senarai nama penjamin (individu dan/atau syarikat) dan No. Kad Pengenalan jika penjamin adalah orang perseorangan dan tandakan “bukan pemastautin” jika penjamin adalah bukan pemastautin];
- (g) Segala fi, caj, kos dan perbelanjaan termasuk duti setem, bersabit dengan Kemudahan Pinjaman yang diberi, Surat Tawaran ini dan dokumen-dokumen cagaran lain yang diperolehi di dalam ini (jika ada), hendaklah ditanggung oleh anda dan Bank adalah berhak untuk mendebit akaun anda dengan Bank bagi pembayarannya;
- (h) Semua dokumen cagaran berkaitan dengan Kemudahan Pinjaman telah disempurnakan dan/atau disetem dan/atau didaftarkan sewajarnya dengan pihak-pihak berkuasa berkenaan.
- (i) Bank menerima segala aku janji dan pengesahan berkenaan yang diperlukan Bank dan memuaskan pihak Bank;
- (j) Anda telah mematuhi dan memenuhi, dan Bank pun berpuas hati, segala kehendak pengendalian berkaitan dengan pengendalian Kemudahan Pinjaman seperti yang ditetapkan Bank dari semasa ke semasa;
- (k) Apa-apa terma dan syarat lain seperti yang dimaklumkan oleh Bank dan/atau peguam Bank.

**2. Representasi dan Waranti**

Dengan ini anda membuat representasi dan memberi jaminan kepada Bank bahawa:

- (a) Penyempurnaan dan pelaksanaan Surat Tawaran:
  - (i) tidak akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan, atau mana-mana perintah atau dekri mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau mahkamah yang mana anda, penjamin anda dan/atau mana-mana pihak cagaran yang lain tertakluk kepadanya; atau
  - (ii) tidak akan melanggar mana-mana kontrak, aku janji atau instrumen lain yang mana anda atau mana-mana pihak cagaran adalah pihak kepadanya atau yang mengikat ke atas diri anda atau mana-mana pihak cagaran; atau
  - (iii) tidak akan mengakibatkan penciptaan atau pengenaan apa-apa gadai janji, lien, sandaran atau caj ke atas mana-mana aset atau hasil anda atau pihak cagaran anda menurut peruntukan sebarang kontrak, aku janji atau instrumen lain;
- (b) tidak ada pelanggaran peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“FSA”) dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait (“Garis Panduan”) dan akan memberitahu Bank secara bertulis dengan serta-merta jika sekiranya sebarang pertalian yang dibentangkan dalam FSA dan/atau Garis Panduan dapat dipastikan atau didedahkan pada bila-bila masa;
- (c) segala apa jua keizinan, kelulusan dan/atau kebenaran yang diperlukan atau dinasihatkan atau bersabit dengan penyempurnaan, penyampaian, pelaksanaan, keesahan dan kebolehkuatkuasakan Surat Tawaran, jaminan dan cagaran lain (jika berkenaan) telah diperolehi dan sedang berkuatkuasa sepenuhnya;
- (d) anda, penjamin anda dan mana-mana pihak cagaran lain tidak mengingkari apa-apa perjanjian yang mana anda adalah pihak kepadanya atau mungkin terikat kepadanya;

- (e) tiada pendakwaan, litigasi, timbangtara atau prosiding pentadbiran sedang berjalan atau belum selesai atau diancam yang boleh menjelaskan kesovenan atau kemampuan anda dan/atau mana-mana pihak cagaran untuk menunaikan obligasi anda di bawah Surat Tawaran dan/atau mana-mana jaminan dan/atau dokumen cagaran lain;
- (f) semua butiran dan/atau akuan yang diberikan, disediakan atau dibuat oleh anda, penjamin anda dan pihak cagaran yang lain berkenaan dengan permohonan Kemudahan Pinjaman anda adalah benar, tepat dan betul dalam semua hal; dan
- (g) anda dan/atau pihak cagaran yang lain telah memperoleh keizinan semua orang yang dinamakan dalam Permohonan Kemudahan Pinjaman anda atau apa-apa dokumen seumpamanya yang dikemukakan kepada Bank bagi menyokong permohonan tersebut dan/atau wakil diberi kuasa masing-masing, termasuk tetapi terhad kepada pengarah, pemegang saham, penandatangan diberi kuasa atau mana-mana orang lain yang dinyatakan oleh Bank  
("Subjek Data Berkaitan"), bagi Bank mengumpulkan, memegang dan menggunakan maklumat peribadi Subjek-subjek Data Berkaitan selaras dengan Dasar Privasi Bank\*\* seperti dipinda dari semasa ke semasa; dan

**\*\*Dasar Privasi** adalah bermaksud dasar dan prinsip Bank berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu/entiti sedia ada dan bakal individu/entiti yang berurusan dengan Bank seperti dipinda dari semasa ke semasa dan dipaparkan dalam laman web Bank atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh Bank dari semasa ke semasa.

- (h) Tiada peristiwa keingkaran yang dinyatakan dalam Surat Tawaran telah berlaku dan sedang berlangsung.
- 2.2 Representasi dan waranti tersebut di atas adalah betul dan dipatuhi selagi Kemudahan Pinjaman masih tersedia dan sehingga segala hutang-piutang di bawah Kemudahan Pinjaman itu telah dilangsungkan.

### **3. Penggunaan Kemudahan Pinjaman**

Jika sekiranya Kemudahan Pinjaman itu tidak digunakan atas apa jua sebab sekalipun dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh Surat Tawaran atau apa-apa tempoh lanjutan yang ditetapkan oleh Bank tanpa mengira sama ada dokumen pinjaman/cagaran itu telah disempurnakan atau tidak, Bank adalah bebas menarik balik Kemudahan Pinjaman itu atau meminda terma Kemudahan. Anda hendaklah membayar balik kepada Bank segala kos, fi dan perbelanjaan yang dialami Bank kerana berbuat demikian.

### **4. Fi Penamatian**

Selain itu, fi penamatian sebanyak RM2,000 akan dikenakan jika Kemudahan Pinjaman tersebut atau mana-mana bahagiannya dibatalkan oleh anda sebelum dibuat pembayaran wang Pinjaman atas apa jua sebab sekalipun.

### **5. Faedah**

5.1 Faedah akan dikenakan atas baki harian melainkan dinyatakan sebaliknya.

**Pengubahan Kadar Faedah –** Tanpa mengira apa-apa peruntukan lain dalam Surat Tawaran ini, Bank berhak atas budi bicara mutlaknya dari semasa ke semasa dan tanpa perlu mendapat persetujuan daripada anda: (i) menggantikan dan/atau mengubah seluruh asas pengiraan Kadar Ditetapkan; dan/atau (ii) meminda, mengubah dan/atau menggantikan Kadar Rujukan; dan/atau (iii) meminda margin yang dikenakan atas atau bawah Kadar Rujukan; dan/atau (iv) meminda apa-apa komisen, diskau atau apa-apa caj perbankan yang lain. Bank boleh menggunakan gabungan salah satu atau lebih kaedah di atas dan boleh, menurut budi bicara mutlaknya, meminda amaun ansuran bulanan atau bilangan ansuran bulanan yang perlu dibayar kerana pengubahan Kadar Ditetapkan, margin atau kadar faedah ingkar atau atas apa jua sebab.

"Kadar Rujukan" bermaksud kadar rujukan setahun dari semasa ke semasa ditetapkan oleh Bank sebagai kadar pinjamannya bagi kemudahan kredit/pembentangan, termasuk tetapi tidak terhad kepada BLR, BR, ECOF, FDR atau KLIBOR mengikut mana yang berkenaan atau apa-apa kadar lain, biar apa pun namanya yang diberi sebagaimana disebut oleh Bank jika berkenaan dari semasa ke semasa. ECOF ditakrif sebagai kos kepada Bank membiayai Kemudahan Pinjaman daripada apa jua sumber yang dipilih, mengikut budi bicara mutlaknya, dicampur kos mengekalkan rizab berkanun, keperluan mudah tunai, kos pentadbiran dan kredit serta kos Bank yang berkaitan seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

### **Kadar Ditetapkan Minimum**

Kadar Ditetapkan minimum bagi Kemudahan Pinjaman ini adalah tidak kurang daripada 4.10% setahun dikira atas baki harian atau apa-apa kadar minimum yang lain sebagaimana ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, Kadar Ditetapkan minimum ini tidaklah dikenakan kepada Kemudahan Pinjaman yang dipancangkan kepada BR atau KLIBOR yang mana Kadar Rujukan minimum bagi Kemudahan Pinjaman tersebut adalah tidak kurang daripada 0.00% setahun dikira atas baki harian atau apa-apa kadar minimum yang lain sebagaimana ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

- 5.2 **Faedah Tambahan** - Jika anda ingkar menjelaskan mana-mana dua (2) bayaran faedah terkumpul sebelum pembayaran penuh atau ingkar membayar mana-mana dua (2) ansuran bulanan terkumpul, sepanjang tempoh Kemudahan Pinjaman, maka Bank atas budi bicaranya berhak mengubah Kadar Ditetapkan kepada 8% setahun atas BLR atas baki harian atau apa-apa kadar lain sebagaimana ditetapkan oleh Bank atas baki belum jelas. Kadar Ditetapkan yang diubah itu akan berterusan dikenakan biarpun anda mungkin telah, pada bila-bila masa selepas pengubahan tersebut, bertindak menyelesaikannya dan/atau memulihkan akaun seperti biasa.

**Faedah Ingkar** – Jika anda ingkar membayar apa-apa jumlah wang, sama ada pokok atau faedah atau atas apa jua jumlah, atau seandainya Bank menarik balik Kemudahan Pinjaman, maka faedah pada kadar 1% setahun akan dikenakan atas jumlah kena bayar dari masa ingkar bayaran hingga salah masa jumlah wang itu dibayar (sebelum atau selepas permintaan atau penghakiman dibuat).

**6. Permodalan Faedah**

6.1 Faedah atas mana-mana wang kena bayar di bawah Kemudahan Pinjaman termasuk faedah dimodalkan hendaklah pada penghujung setiap bulan kalender dipermodalkan dan dicampurkan bagi semua tujuan kepada jumlah pokok yang terhutang pada masa itu dan hendaklah mulai itu dikenakan faedah pada Kadar Ditetapkan, atau mengikut mana yang berkenaan, Kadar Ingkar berkenaan dan dicagar dan kena dibayar sewajarnya, dan semua waad dan syarat yang terkandung di dalam atau dibayangkan oleh presents ini dan segala kuasa dan remedi yang diberi oleh undang-undang atau presents ini dan semua kedaulatan undang-undang atau ekuiti berkaitan dengan jumlah pokok dan faedah tersebut hendaklah sama terpakai kepada tunggakan faedah yang dimodalkan dan kepada faedah atas tuinggakan tersebut.

6.2 Hak Bank untuk mengenakan faedah kompaun sebagaimana yang diberikan kepada Bank oleh Surat Tawaran ini hendaklah berlaku dan terus berlaku biarpun seetelah dikeluarkan dan/atau disampaikan surat tuntutan bayaran wang atau mana-mana wang yang dicagarkan dengan ini dan/atau biarpun hubungan jurubank-pelanggan antara pihak-pihak itu mungkin telah berakhir atas apa jua sebab atau berpunca daripada apa jua sebab.

**7. Faedah Dikecualikan Daripada Had Pokok**

Bagi tujuan memastikan sama ada had Kemudahan Pinjaman yang dicadangkan untuk dicagarkan dengan ini telah dilampaui atau tidak, maka segala faedah yang terkumpul dan dipermodalkan itu hendaklah dianggap faedah dan bukannya jumlah pokok.

**8. Pembayaran Balik Pinjaman Bertempoh**

8.1 Pinjaman Bertempoh hendaklah dibayar balik secara ansuran bulanan sebagaimana dinyatakan dalam Surat Tawaran atau apa-apa amauan lain yang ditetapkan oleh Bank dan hendaklah bermula pada hari pertama bulan kalender berikutnya selepas pembayaran penuh Pinjaman Bertempoh atau bermula pada sebarang masa lain atau mengikut apa-apa amauan lain atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana ditetapkan oleh Bank tertakluk kepada hak Bank meminta bayaran balik penuh atas atas budi bicara mutlak Bank.

**9. Tarik Balik Kemudahan Pinjaman**

9.1 Bank boleh mengantung penggunaan atau menarik balik Kemudahan Pinjaman jika sekiranya anda tidak membayar apa-apa jumlah wang kena bayar atau jika anda atau pihak-pihak cagaran melanggar mana-mana terma yang ditetapkan dalam Surat Tawaran, apa-apa maklumat/dokumen, representasi atau waranti yang diberi itu adalah palsu/tak betul, dokumen-dokumen pinjaman/cagaran atau ingkar membuat bayaran akaun dengan Bank atau dengan mana-mana institusi kewangan lain atau gagal membuat akuan menurut Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait atau apabila berlaku sesuatu peristiwa keingkaran yang ditetapkan dalam dokumen pinjaman/cagaran.

**10. Kajian Semula Akaun & Penilaian**

- 10.1 Tidak ada apa dalam Surat Tawaran ini boleh dianggap mengenakan apa-apa obligasi ke atas Bank sama ada menurut undang-undang atau ekuiti untuk membuat atau berterusan menyediakan Kemudahan Pinjaman kepada anda. Kemudahan Pinjaman dan segala faedah, kos dan fi, termasuk fi

pembaharuannya (jika berkenaan) kena bayar atas permintaan dan Bank berhak mendebit akaun anda dengan Bank.

**10.2** Biarpun ada apa-apa yang berlawanan dalam Surat Tawaran atau Lampiram yang dikembarkan kepadanya, dan juga biarpun ada apa-apa tujuan tertentu yang dipersetujui di sini, maka Bank berhak untuk mengkaji semula pemberian dan/atau penyambungan Kemudahan Pinjaman pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa (tanpa mengira sama ada Kemudahan Pinjaman atau mana-mana bahagiannya telah digunakan atau dibayar atau sama ada apa-apa peristiwa keingkaran telah berlaku), termasuk tetapi tidak terhad kepada keadaan-keadaan berikut:-

- (a) Apabila terdapat perubahan pada undang-undang atau peraturan berkenaan yang akibatnya adalah mustahil atau salah di sisi undang-undang bagi Bank untuk terus menyediakan Kemudahan Pinjaman itu atau mana-mana bahagiannya kepada anda atau jika anda atau mana-mana pihak cagaran yang lain akan terjejas oleh perubahan material pada keadaan yang pada pendapat Bank telah memberi kesan buruk terhadap kemampuan anda dan/atau mana-mana pihak cagaran untuk menunaikan obligasi anda/mereka seperti di bawah ini dan menurut Dokumen-dokumen Cagaran yang lain atau berkemungkinan memudaratkan pihak Bank; atau
- (b) Jika mana-mana representasi dan waranti anda/pihak-pihak cagaran pada bila-bila masa didapati tidak betul dari apa-apa segi yang material; atau
- (c) Jika apa-apa syarat yang ditetapkan di dalam ini dilanggar atau tidak dipenuhi dan memuaskan hati Bank; dan setelah dikaji semula, pihak Bank adalah berhak menggunakan mana-mana hak dan kuasanya untuk menarik balik, membatakan, menggantung, menamatkan atau memanggil balik Kemudahan Pinjaman itu atau mana-mana bahagiannya, dan dengan ini anda bersetuju untuk serta-merta menerima keputusan tersebut dan/atau membayar balik kepada Bank segala hutang-piutang kena bayar dan belum jelas di bawah Kemudahan Pinjaman ini.

**11. Pendedahan**

Selain pendedahan yang diizinkan dan diperuntukkan di bawah Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA"), anda memberi kuasa dan kebenaran tak boleh batal kepada Bank, para pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan memberi segala maklumat mengenai Kemudahan Pinjaman, Surat Tawaran ini, akaun masa sekarang dan masa akan datang dan apa-apa hal lain berkaitan dengan anda atau perniagaan dan operasi anda kepada:-

- (a) Institusi-iinstitusi kewangan lain yang memberi atau bercadang memberi sebarang kemudahan kredit kepada anda, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat lain yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa berkenaan lain yang dibenarkan oleh undang-undang bagi mendapatkan maklumat tersebut atau mana-mana pihak berkuasa/agensi berkenaan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana agensi yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank di Malaysia;
- (b) Mana-mana perbadanan masa sekarang atau masa akan datang yang mungkin bersekutu atau berkait dengan Bank (sebagaimana ditakrif dalam Akta Syarikat 1965), termasuk pejabat wakil dan pejabat cawangan dan wakil mereka masing-masing serta subsidiari-subsidiari syarikat induk Bank;
- (c) Pihak-pihak Cagaran anda atau mana-mana pihak yang bercadang menyediakan cagaran bagi Kemudahan Pinjaman itu;
- (d) juruaudit Bank, peguam dan/atau ejen-ejen lain bersabit dengan proses pemungutan kembali segala wang terhutang dan kena bayar seperti di bawah ini; dan
- (e) penasihat profesional Bank, penyedia perkhidmatan, nomini, ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang terlibat dalam penyediaan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh Bank dan syarikat berkaitan atau bersekutunya.

Dengan ini anda memberi keizinan tak boleh batal untuk membuat pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa Bank, para pegawai dan kakitangannya adalah tidak bertanggungjawab kerana memberi maklumat tersebut atau terhadap akibat kebergantungan yang diletakkan terhadap maklumat yang diberi itu menurut Surat Tawaran ini.

Dengan ini anda memberi keizinan dan membenarkan Bank memperoleh apa-apa maklumat dari anda daripada mana-mana agensi atau sumber rujukan kredit dan pada bila-bila yang dianggap wajar oleh Bank.

**12. Keizinan untuk Memproses Maklumat Peribadi**

Dengan ini anda bersetuju dan membenarkan pemegangan, pengumpulan dan penggunaan segala data peribadi yang disediakan kepada Bank atau diperoleh oleh Bank daripada domain awam, serta juga data peribadi yang timbul hasil daripada penyediaan perkhidmatan kepada anda bersabit dengan

Kemudahan Pinjaman ini atau akaun anda yang lain yang disimpan dengan Bank, selaras dengan Dasar Privasi\*\* Bank sebagaimana dipinda dari semasa ke semasa.

**13. Kos Guaman & Perbelanjaan Lain**

Segala fi, kos dan perbelanjaan lain (termasuk duti setem, fi guaman dan fi profesional yang lain) bersabit dengan Kemudahan Pinjaman ini dan dokumen-dokumen pinjaman/cagaran hendaklah ditanggung oleh anda tidak kira sama ada atau tidak Kemudahan Pinjaman itu digunakan, ditarik balik atau dibatalkan atas apa jua sebab. Jika sekiranya Kemudahan Pinjaman itu perlu dipungut kembali melalui apa-apa proses undang-undang, maka segala fi dan perbelanjaan bersabit dengan pemungutan kembali tersebut termasuk fi dan kos peguam Bank (atas dasar peguam-klien) hendaklah ditanggung oleh anda. Bank adalah berhak mendebit fi, kos dan perbelanjaan tersebut tadi kepada akaun anda.

**14. Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (“FSA”) dan Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit & Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait (“Garis Panduan”)**

Untuk membolehkan Bank mematuhi FSA dan Garis Panduan tersebut, anda hendaklah mengisyiharkan kepada Bank sama ada anda adalah satu pihak berkait di bawah Garis Panduan itu, yang termasuk tetapi tidak terhad kepada seorang pasangan, anak, ibu atau bapa atau tanggungan kewangan bagi Pengarah Bank, Pegawai Eksekutif atau pegawai kelulusan/penaksiran/penyemakan kredit atau dalam hal seorang pelanggan korporat/perniagaan, termasuk suatu entiti yang dikawal oleh individu-individu Bank yang tersebut tadi di atas. Jika sekiranya pada bila-bila masa anda menjadi seorang yang berkait, anda mestilah memberitahu Bank secara bertulis dengan serta-merta. Bank berhak menamatkan Kemudahan Pinjaman itu jika anda gagal membuat pengisyiharan yang wajar atau betul, yang akibatnya Bank melanggar FSA atau Garis Panduan tersebut.

**15. Cukai Kerajaan dan/atau caj, fi berkanun/kawal selia dan lain-lain lagi**

**15.1 Bagi tujuan Fasal ini:**

“Cukai” bermaksud apa-apa cukai, levi, impos, duti, caj, fi, potongan, penangguhan Malaysia atau asing, apa pun jenisnya, pada masa sekarang atau masa akan datang, yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tertentu, termasuk, tanpa batasan, apa-apa cukai penggunaan seperti cukai barang dan perkhidmatan (“GST”) dan cukai-cukai lain, biar apa pun namanya, dan apa-apa faedah, denda atau penalt berkaitan dengannya.

“Pihak Berkuasa Tertentu” bermaksud mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau percukaian.

**15.2 Fi, caj dan segala wang lain yang perlu dibayar oleh anda kepada Bank di bawah Kemudahan Pinjaman, Surat Tawaran ini dan/atau dokumen cagaran yang lain, termasuk apa-apa amaun bagi pembayaran balik yang perlu dijelaskan oleh anda kepada Bank, adalah tidak termasuk apa-apa Cukai, dan hendaklah dibayar tanpa sebarang tolak-selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan untuk atau kerana apa-apa tuntutan balas atau apa-apa potongan atau penangguhan.**

**15.3 Jika sekiranya anda dikehendaki undang-undang supaya membuat apa-apa potongan atau penangguhan daripada fi, caj dan/atau segala wang lain yang kena bayar kepada Bank di bawah Kemudahan Pinjaman, Surat Tawaran ini dan/atau dokumen-dokumen cagaran yang lain berkenaan dengan apa-apa Cukai atau selainnya, maka jumlah wang yang anda kena bayar yang baginya potongan atau penangguhan perlu dibuat akan dinaikkan supaya fi/caj bersih dan/atau amaun wang bersih yang diterima oleh Bank adalah sama dengan jumlah yang seharusnya diterima oleh Bank seandainya tiada potongan atau penangguhan dikehendaki atau dibuat.**

**15.4 Selain fi, caj dan segala wang lain yang kena bayar, anda hendaklah juga membayar kepada Bank segala Cukai berkenaan pada kadar semasa berkenaan dan/atau amaun yang ditentukan oleh Bank untuk menampung apa-apa bayaran/liabiliti/obligasi Cukai bersabit dengannya, tanpa sebarang tolak-selesai, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan bagi atau kerana sebarang tuntutan balas atau apa-apa potongan atau penangguhan, selain apa-apa Cukai yang mungkin dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang perlu anda bayar secara terus kepada mana-mana Pihak Berkuasa tertentu, yang mana anda mesti remit terus kepada Pihak Berkuasa Tertentu itu.**

**15.5 Jika pada bila-bila masa suatu pelarasan dibuat atau perlu dibuat antara Bank dengan pihak berkuasa percukaian berkenaan bagi apa-apa amaun yang dibayar sebagai Cukai kerana sesuatu perbekalan yang dibuat atau dianggap telah dibuat atau hal lain bersabit dengan Kemudahan Perjanjian ini, Surat Tawaran ini dan/atau dokumen cagaran yang lain oleh Bank, maka suatu pelarasan bersamaan boleh, atas budi bicara Bank, dibuat sebagaimana antara Bank dengan anda dan dalam hal sedemikian, maka apa-apa bayaran yang perlu untuk menyempurnakan pelarasan itu hendaklah dibuat.**

**15.6 Segala Cukai yang perlu anda bayar kepada Bank sebagaimana diperuntukkan di dalam ini hendaklah dibayar pada sekian masa dan menurut cara sebagaimana yang diminta oleh Bank.**

- 15.7 Dengan ini anda bersetuju untuk melakukan apa-apa perkara yang semunasabahnya diminta oleh Bank untuk membantu Bank dalam mematuhi obligasinya di bawah mana-mana perundangan berkenaan yang di bawahnya mana-mana Cukai dikenakan. Jika sekiranya suatu Cukai Baharu diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dikenakan ke atas transaksi yang dicadang dalam Surat Tawaran ini, maka anda bersetuju untuk memberikan segala kerjasama kepada Bank dalam membantu Bank menunaikan obligasinya di bawah undang-undang berkenaan.
- 15.8 Bagi mengelakkan keraguan, pihak-pihak berkenaan bersetuju bahawa apa sahaja jumlah kena bayar atau amaun yang akan digunakan untuk mengira jumlah kena bayar ada diungkapkan di tempat lain dalam Kemudahan Pinjaman, Surat Tawaran ini dan/atau dokumen cagaran yang lain telah ditentukan tanpa menimbangkan dan tidak meliputi amaun yang perlu ditambah di bawah Fasal ini disebabkan Cukai.
- 16. Pelbagai**
- 16.1 Bank mungkin memberi notis awal kepada anda:-
- (a) meminda atau menyimpang dari terma dan syarat pinjaman bertempoh, pinjaman dan/atau dokumen cagaran dan dengan ini anda nyata membenarkan apa-apa dan kesemua pindaan tersebut dan/atau penyimpangan (betapa banyak sekalipun) dengan syarat bahawa pindaan atau penyimpangan tersebut adalah disebabkan terjadinya salah satu keadaan atau peristiwa berikut :-
    - (i) perubahan kadar pinjaman atau perubahan tempoh/ansuran bayaran balik dan amaun disebabkan pergerakan Kadar Rujukan Bank atau KLIBOR 3 bulan; atau
    - (ii) agar sejajar dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia atau Kerajaan; atau
    - (iii) agar sejajar dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Persatuan Bank-bank/Syarikat Kewangan di Malaysia; atau
    - (iv) peningkatan spread pinjaman-pinjaman tertunggak; atau
    - (v) perubahan barisan pengarah utama atau pemegang syer akibat peletakan jawatan atau pelupusan syer atau perubahan aktiviti utama anda (di sini peminjam adalah syarikat); atau
    - (vi) terma dan syarat pinjaman bertempoh tidak dipatuhi tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan bertulis Bank; atau
    - (vii) pinjaman bertempoh tidak digunakan bagi tujuan yang dicadangkan; atau
    - (viii) apabila kedudukan kewangan anda merosot; atau
  - (b) menguruskan *exchange release* atau mengubahsuai mana-mana dokumen cagaran atau hak yang sekarang atau pada bila-bila masa selepas itu atau dari semasa ke semasa pihaknya mungkin punyai daripada atau terhadap anda atau mana-mana orang lain; atau
  - (c) mencapai persetujuan dengan anda atau mana-mana pihak cagaran atau mana-mana orang lain.
- 16.2 Tanpa mengesampingkan mana-mana peruntukan lain terkandung di dalam ini, jika sekiranya Bank tidak dapat menunaikan mana-mana obligasinya atau mana-mana operasi atau untuk menyediakan apa-apa perkhidmatan berpunca daripada apa jua sebab di luar kawalan Bank, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, bencana alam, kemalangan, rusuhan, kekacauan awam, pertikaian perusahaan, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, atau apa-apa kegagalan atau gangguan telekomunikasi, bekalan elektrik, air, bahan api atau apa-apa faktor berupa *force majeure*, maka Bank sama sekali tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesusahan, kehilangan, kecederaan, kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh anda berbangkit daripada hal-hal yang sama.
- 16.3 Tanpa menjelas mana-mana peruntukan lain di dalam ini, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap anda atau mana-mana pihak ketiga bagi kerosakan kerana keingkaran, pengabaian, kecuiaan, pelanggaran kontrak, kehilangan keuntungan atau pendapatan, nama baik atau apa jua jenis kehilangan atau kerosakan khas, teladan, sampingan, langsung atau berbangkit, walau macam mana berbangkit pun, sama ada Bank telah dimaklumkan akan hal yang sama atau tidak. Jika sekiranya Bank dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kerosakan, biar apa pun disebutkan sebelum ini, maka jumlah amaun bagi keseluruhan liabiliti Bank tidak akan melebihi amaun pokok transaksi terlibat yang menjadi punca tuntutan itu.
- 16.4 Bagi tujuan tafsiran, "tahun" bermaksud setahun 365 hari.

**17. Cara Komunikasi**

Bank berhak menyampaikan sebarang pemberitahuan akan datang kepada anda dengan cara bertulis atau elektronik, contohnya penghantaran melalui faksimili, khidmat pesanan ringkas (SMS), emel atau apa-apa kaedah lain yang Bank dapatkan wajar atas budi bicara mutlaknya.

**18. Syarat Kemudahan Pinjaman di bawah Skim Jaminan Portfolio yang ditawarkan oleh CGC**

- (i) Jaminan atas nama Bank oleh CGC di bawah Skim Jaminan Portfolio bagi 70% Amaun Kemudahan Pinjaman ;
- (ii) Pemberian Kemudahan Pinjaman di bawah Skim Jaminan Portfolio adalah tertakluk kepada kelulusan CGC dan keizinan mestilah diperolehi daripada CGC bagi sebarang penstrukturuan semula dan/atau pindaan yang dibuat kepada terma dan syarat sedia ada bagi pinjaman berjaminan CGE sedia ada;
- (iii) Fi Jaminan bagi liputan CGC hendaklah didahulukan dan dibayar setiap tahun atau pada bila-bila masa yang dikenakan oleh CGC dari semasa ke semasa;
- (iv) Jika sekiranya berlaku penamatkan jaminan di bawah Skim Jaminan Portfolio, maka Bank berhak membatalkan Kemudahan Pinjaman pada bila-bila masa. Jika sekiranya berlaku pembatalan, maka sebarang pembayaran balik Fi Jaminan yang telah dibayar, hendaklah tertakluk kepada kelulusan CGC;
- (v) Jika sekiranya anda berniat menyambung Kemudahan Pinjaman selepas tamat tempoh Skim Jaminan Portfolio atau liputan CGC telah luput, maka kadar faedah oleh Bank yang akan dikenakan sepanjang keseluruhan tempoh Kemudahan Pinjaman dan diubah terma dan syarat Kemudahan Pinjaman yang diberi kepada anda menurut budi bicara Bank; dan
- (vi) Jika sekiranya berlaku perubahan keadaan yang menyebabkan anda tidak layak di bawah Skim Jaminan Portfolio, maka Bank boleh atas budi bicara atau apabila mendapat arahan daripada CGC, menamatkan Kemudahan Pinjaman di bawah Skim Jaminan Portfolio, mengubah terma dan syarat semasa (termasuk kadar faedah), dan/atau mengenakan apa-apa syarat tambahan yang dianggap perlu atau wajar oleh Bank atas budi bicara mutlaknya.

**19. Gangguan Pasaran**

Jika pada pendapat Bank, sejak tarikh Surat ini telah berlaku perubahan keadaan monetari, kewangan, ekonomi atau politik, di peringkat dalam negara dan antarabangsa, atau kadar pertukaran mata wang atau kawalan tukaran mata wang yang akan menyebabkan Kemudahan Pinjaman tidak praktikal atau mustahil dari segi komersial, sementara atau kekal, maka Bank akan memaklumkan hal itu kepada anda, dan:

- (i) Selagi keadaan tersebut masih wujud, maka penggunaan Kemudahan Pinjaman itu tidak akan dibenarkan;
- (ii) Bank akan merunding secara ikhlas untuk mencari asas lain yang boleh diterima Bank untuk menyambung semula Kemudahan Pinjaman itu; dan
- (iii) Melainkan dalam masa tiga puluh (30) hari selepas pemberian notis itu, keadaan tersebut tidak lagi wujud ataupun suatu asas yang boleh diterima Bank telah tercapai, maka Kemudahan Pinjaman itu akan dibatalkan.

**20. Kemudahan Tambahan**

Bank boleh pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa, menurut budi bicara mutlaknya dan tanpa menjelas cagaran Bank, atas permintaan anda, memberi kemudahan tambahan atau lanjutan mengikut terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Bank.

**21. Waad Positif**

Dengan ini anda berwaad dengan Bank bahawa anda hendaklah pada setiap masa sepanjang kelanjutan Kemudahan Pinjaman itu:

- (a) Menyerahkan kepada Bank dan menyebabkan mana-mana Pihak Cagarannya yang merupakan sebuah perbadanan untuk menyerahkan akaun berauditnya masing-masing dalam masa 6 bulan selepas setiap penutupan akaun, dan akaun tak berauditnya dalam masa 60 hari dari penghujung setiap pertengahan tahun;
- (b) Memberitahu Bank dan menyebabkan Bank diberitahu akan sebarang perubahan pemegang syer utama dan/atau badan pengurusan dan/atau mana-mana Pihak Cagarannya yang merupakan sebuah perbadanan; dan
- (c) Memastikan bahawa Kemudahan Pinjaman hendaklah berperingkat *pari passu* dengan semua kemudahan setanding lain yang diberi oleh bank-bank lain kepada anda.

**22. Peristiwa Keingkaran**

Keseluruhan hutang-piutang di bawah Kemudahan Pinjaman dan Surat Tawaran ini perlulah anda selesaikan serta-merta dengan Bank apabila salah satu peristiwa ini berlaku:

- (a) Jika anda gagal menjelaskan apa-apa wang terhutang yang kena bayar kepada Bank menurut Surat Tawaran ini apabila genap masa kena bayar atau setelah luput tempoh apa-apa tuntutan atau notis terhadapnya (mengikut mana yang berkenaan);
- (b) Jika berlaku pelanggaran mana-mana peruntukan lain dalam Surat Tawaran ini atau apa-apa jaminan atau cagaran lain yang disediakan;

- (c) Jika anda atau mana-mana pihak cagaran lain (jika ada) telah terjejas akibat perubahan material pada keadaan anda yang pada pendapat Bank memberi kesan buruk ke atas kemampuan anda dan/atau pihak cagaran anda (mengikut mana yang berkenaan) untuk menunaikan obligasi di bawah Kemudahan Pinjaman/Surat Tolak-Selesai/cagaran lain selaras dengan terma-termanya;
- (d) Jika Bank membuat keputusan atas budi bicara mutlaknya bahawa kelanjutan Kemudahan Pinjaman atau mana-mana bahagiannya berkemungkinan memudarangkan kedudukannya sendiri ataupun tidak diingini atau bahawa mana-mana cagarnya tidak memadai atau terancam;
- (e) Jika anda atau mana-mana penjamin atau mana-mana pihak cagaran lain atau mana-mana syarikat berkaitan masing-masing (seperti ditakrif dalam Akta Syarikat 1965) melakukan keingkaran di bawah mana-mana kemudahan lain yang diberi oleh Bank atau memungkiri obligasi anda di bawah mana-mana akaun lain yang disimpan dengan Bank;
- (f) Jika mana-mana penjamin dan/atau mana-mana pihak cagaran lain (jika ada) menarik diri atau dikatakan menarik diri tanpa mendapat keizinan bertulis daripada Bank terlebih dahulu;
- (g) Jika terdapat atau berlaku pelanggaran FSA dan/atau Garis Panduan BNM mengenai Transaksi Kredit dan Pendedahan dengan Pihak-pihak Berkait atau mana-mana pekeliling, garis panduan atau kehendak pihak berkuasa kawal selia;
- (h) Jika terdapat apa-apa perubahan material pada pemilikan dan/atau pengurusan dan/atau penjamin anda dan/atau mana-mana pihak cagaran (jika ada)
- (i) Jika anda atau pihak cagaran anda yang merupakan sebuah perbadanan membuat sebarang komposisi atau perkiraan bagi faedah pemutang atau mengancam untuk berbuat demikian;
- (j) Jika anda atau mana-mana pihak cagaran membenarkan distres atau pelaksanaan perintah penghakiman terhadapnya tetapi tidak dipenuhi selama 21 hari atau lebih;
- (k) Jika anda atau mana-mana pihak cagaran melakukan tindakan kebankrapan atau sebagai sebuah perbadanan, menghadapi sebarang petisyen atau meluluskan sebarang ketetapan bagi penggulungan, pembubaran, penyelessaian atau penstrukturran semulanya atau melibatkan kuasa penerima atau tindakan tersebut diancam;
- (l) Jika sebarang perubahan undang-undang atau peraturan berkenaan menyebabkan mustahil atau salah di sisi undang-undang bagi Bank untuk terus menyediakan Kemudahan Pinjaman kepada anda;
- (m) Jika mana-mana pihak cagaran yang merupakan sebuah syarikat berhenti atau mengancam untuk berhenti untuk meneruskan perniagaannya; atau
- (n) Jika anda atau mana-mana pihak cagaran membuat atau bercadang membuat atau ada diisyitharkan oleh mahkamah atau pihak berkuasa kompeten, suatu moratorium ke atas pembayaran hutang-piutang atau penggantungan bayaran umumnya.

**23. Hak Tolak-Selesai**

Bank boleh tanpa memberi notis kepada anda dan pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlaknya, menggabung, menyatukan atau mencantum kesemua atau mana-mana akaun anda, apa pun jensinya (sama ada akaun semasa, deposit atau pinjaman) yang disimpan dengan Bank di mana-mana cawangan dengan mana-mana liabiliti anda (sama ada liabiliti tersebut adalah masa sekarang, masa akan datang, sebenar, kontingen, primer, sekunder, sandaran, bercagar atau tak bercagar, berasingan atau bersama) di bawah mana-mana akaun atau perjanjian atau instrumen lain dengan Bank dan menolak-selesai atau memindahkan sejumlah wang (sama ada dalam mata wang yang sama atau berbeza) berkedudukan kredit dengan apa-apa perjanjian atau instrumen untuk atau ke arah menyelesaikan liabiliti anda kepada Bank di bawah Surat Tawaran ini dan cagaran-cagaran lain (jika ada).

**24. Saling Tukar atau Ganti Kemudahan Pinjaman**

Bank boleh, pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlaknya, atas permintaan anda, mengubah, saling tukar atau mengganti Kemudahan Pinjaman dengan mana-mana kemudahan lain termasuk menukar mana-mana kemudahan dengan terma dan syaratnya (kemudian daripada ini disebut "Terma tersebut") sebagaimana disyaratkan dalam surat tawaran Bank dan/atau mana-mana dokumen lain yang menetapkan terma tersebut yang sempurna ditandatangani oleh anda sebagai tanda penerimaannya, tanpa menjelaskan hak Bank di bawah Surat Tawaran ini. Kesemua peruntukan Surat Tawaran ini, kecuali dan melainkan peruntukan tersebut bercanggah dengan Terma tersebut atau tidak terpakai kepada kemudahan saling tukar atau diganti, hendaklah berterusan terpakai kepada kemudahan saling tukar atau diganti tersebut, kecuali disyaratkan lain oleh Bank.

**25. Tanggung Rugi**

Anda beraku janji untuk menanggung rugi Bank daripada sebarang kerugian atau perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad kepada belanja guaman atas dasar peguam dengan klien sendiri) yang Bank mungkin tanggung atau alami akibat keingkaran anda menunaikan obligasi anda di bawah Surat Tawaran ini.

**26. Perubahan Undang-undang**

- 26.1 Jika sekiranya Bank berpendapat bahawa telah atau akan salah di sisi undang-undang bagi Bank mengekalkan atau melaksanakan obligasinya sebagaimana dicadangkan oleh Surat Tawaran ini, maka obligasi Bank untuk memberi Kemudahan Pinjaman hendaklah ditamatkan serta-merta dan jika mana-mana bahagian Kemudahan Pinjaman itu telah digunakan, maka hendaklah anda apabila diminta membayar balik kepada Bank Kemudahan Pinjaman itu secara penuh bersekali dengan faedah terakrunya dan apa-apa amaun lain kena bayar di bawahnya.
- 26.2 Jika apa-apa perubahan pada mana-mana undang-undang berkenaan, peraturan atau keperluan rasmi atau pada tafsiran atau pemakaianya oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa lain yang ditugaskan dengan urusan pentadbirannya (sama ada mempunyai kuatkuasa undang-undang atau tidak) atau jika mana-mana perintah, penghakiman atau arahan akan mempunyai kesan meningkatkan kos ke atas Bank membuat, mengekalkan atau membayai Kemudahan Pinjaman itu atau mengurangkan amaun apa-apa bayaran yang diterima atau belum terima oleh Bank sebanyak apa-apa amaun yang dianggap material oleh Bank, maka Bank boleh menulis kepada anda untuk memberitahu anda mengenai kejadian peristiwa tersebut dan walau apa pun diperuntukkan dalam Surat Tawaran ini, Bank berhak menurut budi bicara mutlaknya, tetapi tanpa sebarang obligasi untuk berbuat demikian, menarik balik, membatakan, menamatkan, memanggil balik atau menggantung Kemudahan Pinjaman itu atau mana-mana bahagiannya, dengan itu anda hendaklah membayar kepada Bank apabila diminta sejumlah amaun sebagai pampasan kepada Bank bagi segala peningkatan kos atau pengurangan amaun diterima/belum terima. Apabila berlaku perkara tersebut, anda adalah berhak dengan memberi Bank notis bertulis 30 hari terlebih dahulu untuk membayar balik Kemudahan Pinjaman itu dan semua wang yang terhutang di bawahnya secara penuh bersekali dengan sejumlah amaun yang ditentukan oleh Bank atas budi bicara mulaknya sebagai pampasan kerugian yang dialami Bank sebagai akibat atau berpunca daripada prapembayaran tersebut, dan dengan prapembayaran tersebut Kemudahan Pinjaman itu akan dibatalkan. Perakuan atau pengesahan Bank sempurna ditandatangani mana-mana pegawaiannya buat sementara waktu berkenaan apa-apa amaun tambahan kena bayar kepadanya menurut peruntukan ini hendaklah, kecuali terdapat apa-apa kesilapan ketara, adalah muktamad dan mengikat ke atas diri anda.

**27. Akaun Ditangguh**

Apa-apa wang yang diterima di bawah ini atau di bawah mana-mana dokumen cagaran di bawah Surat Tawaran ini, boleh diletak dan disimpan bagi kredit akaun ditangguh selagi Bank berpendapat adalah wajar tanpa obligasi sementara itu untuk menggunakan wang tersebut atau mana-mana bahagiannya bagi menjelaskan apa-apa wang atau liabiliti kena bayar atau ditanggung oleh anda kepada Bank. Walau apa pun bayarannya jika sekiranya terjadi apa-apa prosiding dalam atau bersamaan kebankrapan, pembubaruan, komposisi atau perkiraan Bank boleh membuktikan dan bersetuju untuk menerima apa-apa dividen atau komposisi berkenaan keseluruhan atau sebahagian wang atau liabiliti dengan cara yang sama seolah-olah cagaran ini telah tidak dicipta dan tiada wang atau dividen diterima oleh Bank akan dianggap diterima selaras dengan Surat Tawaran ini, tetapi amaun penuh dengan ini dicagarkan perlulah anda bayar sehingga Bank telah menerima daripada semua punca satu ratus sen dalam ringgit atas baki terakhir yang tertunggak di pihak anda. Selepas Bank menerima baki terakhir tersebut dengan penuh, maka sebarang tuntutan di pihak anda terhadap apa-apa lebihan atau apa-apa cagaran yang berbaki dengan Bank akan diuruskan secara pelarasan antara Bank dengan anda dan mana-mana orang lain yang menuntutnya.

**28. Penyata Akaun**

Dengan ini anda nyata bersetuju bahawa penyata akaun yang dikeluarkan oleh Bank adalah muktamad dan bukti keberhutangan anda secara muktamad.

**29. Notis**

Apa-apa notis yang diperlukan atau dibenarkan untuk dibuat oleh Bank di bawah Surat Tawaran ini boleh disampaikan dan akan dianggap telah disampaikan secukupnya ke atas diri anda jika notis itu ditinggalkan di alamat yang dinyatakan di dalam ini atau di tempat perniagaan atau kediaman yang biasa atau kali akhir diketahui atau dihantar melalui surat berdaftar atau pos biasa kepada mana-mana alamat atau melalui teleks atau faksimili atau kaedah elektronik lain kepada nombor teleks/faksimili atau alamat mel elektronik yang biasa atau kali akhir diketahui (mengikut mana yang berkenaan). Bagi penghantaran pos, perkhidmatan itu akan dianggap telah dibuat pada masa ketika surat berdaftar atau pos biasa lazimnya dalam perjalanan pos akan diserahkan (tanpa mengesampingkan pemulangannya kemudian), bagi teleks, perkhidmatan itu akan dianggap telah dilakukan serta-merta sebaik sahaja dihantar dan disahkan melalui jawapan balas dan bagi faksimili, dengan menunjukkan laporan penghantaran oleh mesin yang dari mana faksimili itu dihantar. Bagi mel elektronik pula, perkhidmatan itu akan dianggap telah dilakukan serta-merta.

**30. Kebolehasingan**

Jika mana-mana peruntukan dalam Surat Tawaran ini menjadi salah di sisi undang-undang, terbatal, tak sah, terlarang atau tak boleh dikuatkuasakan dalam segenap segi, maka peruntukan yang sama menjadi tak efektif setakat kepenyalahan undang-undang, keterbatalan, ketaksahan, keterlarangan atau takboleh kuatkuasakan tersebut tanpa mentaksahkan sama sekali peruntukan yang lain-lainnya. Peruntukan yang terjejas akan diganti dengan peruntukan sah yang mencapai tujuan sebenar peruntukan berkenaan serta sah di sisi undang-undang.

**31. Undang-undang dan Bidang Kuasa Terpakai**

Kemudahan Pinjaman dan segala hal di bawah Surat Tawaran ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. Pihak-pihak berkenaan bersetuju bahawa jika sebarang tindakan atau prosiding diambil di Malaysia, maka mereka hendaklah akur kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia dalam semua hal bersabit dengan obligasi dan liabiliti mereka di bawah atau berbangkit daripada Surat Tawaran ini.

**32. Pengganti Terikat**

Surat Tawaran ini adalah mengikat ke atas waris-waris anda, wakil-wakil, pemegang serahhak dibenarkan dan pengganti hakmilik dan boleh dikuatkuasakan oleh pengganti hakmilik dan pemegang serahhak Bank.

**33. Ingkar Balas**

Bank berhak untuk bertindak melakukan prosiding guaman terhadap anda atau menarik balik Kemudahan Pinjaman, faedah ke atasnya dan segala wang yang ter hutang kepada Bank di bawah Surat Tawaran ini atau menahan atau menarik balik Kemudahan Pinjaman jika berlaku keingkaran membayar apa-apa wang yang ter hutang oleh anda di bawah ini atau di bawah mana-mana akaun lain dengan Bank atau mana-mana institusi kewangan lain atau keingkaran oleh mana-mana pihak cagaran anda dalam membayar apa-apa wang di bawah akaun mana-mana pihak lain yang mana anda dan/atau mana-mana pihak cagaran adalah penjamin atau apabila and dan/atau mana-mana pihak cagaran atau mana pihak cagaran berhenti atau mengancam untuk berhenti menjalankan perniagaan anda atau suatu petisyen bagi kebankrapan anda dan/atau mana-mana pihak cagaran dikemukakan.

**34. Perjanjian Seluruh**

Surat Tawaran ini, termasuk syarat di dalam ini dan mana-mana dokumen atau instrumen yang terlampir kepadanya menyepakatkan kesemua termasuk syarat yang disebutkan di dalam ini dan sampingan kepadanya dan mengantikan segala rundingan lisan dan surat-menjurut berkenaan perkara tajuk tersebut.

**35. Penguatkuasaan Perjanjian ini**

Surat Tawaran ini adalah sebagai tambahan kepada dan bukan pengganti mana-mana hak atau cagaran lain yang mungkin Bank punya daripada atau terhadap anda atau dokumen-dokumen cagaran lain dan boleh dikuatkuasakan selaras dengan termasuknya tanpa rekursa atau bantuan terlebih dahulu daripada apa-apa hak atau cagaran lain sebagaimana disebutkan sebelum ini.

**36. Remedi Kumulatif**

Remedi yang diperuntukkan di dalam ini adalah bersifat kumulatif dan tidak eksklusif daripada mana-mana remedii lain yang diperuntukkan oleh undang-undang.

**37. Masa**

Masa di mana-mana ada disebut menjadi asas atau teras Surat Tawaran ini.

**38. Surat Tawaran Diutamakan**

Jika sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara termasuk syarat Surat Tawaran dan termasuk syarat dokumen-dokumen cagaran yang lain tidak termasuk Surat Tawaran, maka termasuk syarat di dalam ini akan diutamakan.

**39. Penggunaan Pembayaran**

Walaupun mana-mana peruntukan lain yang terkandung dalam Surat Tawaran ini menyatakan sebaliknya, namun Bank berhak menggunakan mana-mana bayaran yang diterima daripada anda atau daripada mana-mana orang yang membuat bayaran bagi pihak anda (tanpa mengira sama ada pembayaran itu diperincikan atau tidak) untuk menyelesaikan kesemua atau sebahagian mana-mana amaun pokok, faedah (termasuk faedah bayaran lewat) atau apa-apa jumlah wang lain yang ter hutang dan perlu dibayar oleh anda di bawah Surat Tawaran ini mengikut mana-mana tertib yang dianggap wajar oleh Bank atas budi bicara mutlaknya.

**40. Elak Pembayaran**

Tiada jaminan, cagaran atau pembayaran yang boleh dielakkan di bawah mana-mana undang-undang berkaitan dengan penggulungan atau ketaksovenan dan tiada pelepasan, penyelesaian atau pembebasan yang diberi atau dibuat oleh Bank berdasarkan mana-mana jaminan, cagaran atau pembayaran tersebut, akan menjelaskan hak Bank untuk memungut kembali daripada anda jumlah wang dengan ini dicagarkan ke takat sepenuhnya di bawah ini. Apa-apa pelepasan, penyelesaian atau pembebasan akan dianggap telah dibuat tertakluk kepada syarat bahawa perkara itu akan terbatal jika apa-apa pembayaran atau cagaran yang mungkin Bank telah terima sebelum ini atau mungkin terima selepas itu daripada mana-mana orang berkenaan wang itu dengan ini dicagarkan, dibatalkan menurut mana-mana undang-undang berkenaan atau terbukti tak sah atas apa jua sebab.

**41. Pindaan kepada Dokumen Cagaran**

- 41.1 Bank mempunyai hak mutlak untuk menggugurkan, menambah, memindah, mengubahsuai, menggantikan atau mengenakan apa-apa terma dan syarat berkaitan dengan Kemudahan Pinjaman dan/atau di bawah Surat Tawaran ini dan/atau mana-mana dokumen cagaran lain jika dan apabila Bank mendapatkan wajar dengan memberi notis kepada anda terlebih dahulu.
- 41.2 Tiada peruntukan Surat Tawaran ini boleh diubah, dipinda, diketepikan, dilepaskan, dibebaskan atau ditamatkan secara lisan, begitu juga tiada apa-apa keingkaran, pelanggaran atau pengabaian mana-mana peruntukan Surat Tawaran ini boleh diketepikan atau dibiarkan secara lisan.

**42. Naik Duti Setem**

Jika sekiranya jumlah wang yang didahulukan kepada atau atau genap masa dibayar dan yang anda hutang kepada Bank (termasuk faedah terakru, komisen, caj jurubank, kos guaman serta kos, caj dan perbelanjaan lain) pada bila-bila masa melebihi had pokok yang mana Surat Tawaran ini disetemkan buat sementara waktu, maka Bank adalah berhak pada bila-bila masa untuk menaikkan duti setem Surat Tawaran ini dari tarikh kosnya telah dibayar atau dibelanjakan oleh Bank dan sehingga bayaran dibuat hendaklah menjadi sebahagian wang yang dicagarkan dengan Surat Tawaran ini dan dokumen-dokumen cagaran.

**43. Instrumen Utama dan Sekunder**

DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIISYTIHARKAN bahawa Surat Tawaran ini, Surat Tolak-Selesai dan dokumen-dokumen cagaran yang lain adalah instrumen yang dipakai dalam satu transaksi untuk mencagar jumlah pokok tersebut sebagaimana diperuntukkan di bawah Surat Tawaran ini, bersekali dengan faedahnya dan segala wang dan liabiliti yang diwaadkan atau dipersetujui akan dibayar oleh anda dan pihak-pihak cagaran di bawah atau bersabit dengan atau berbangkit daripada Kemudahan Pinjaman yang diberi oleh Bank pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengikut maksud Seksyen 4(3) Akta Setem, 1949, dan untuk tujuan Seksyen tersebut, maka Surat Tawaran ini dianggap instrumen primer atau utama sementara Surat Tolak-Selesai dan dokumen-dokumen cagaran yang lain dianggap instrumen bantu atau sekunder.

---TAMAT

---